

**PERSEPSI KESELAMATAN PEMANCING
DI KAWASAN MEMANCING KELONG
Kajian Kes: Kelong Paradise, Sabak Bernam
dan Kelong Purple Inn, Klang**

MOHD ERMAN BIN DERASID @ NORDIN

Laporan projek sarjana ini dikemukakan sebagai memenuhi
sebahagian daripada syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Sains
(Perancangan Pelancongan)

**FAKULTI ALAM BINA
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

MEI 2011

ABSTRAK

Persepsi keselamatan pelancong merupakan aspek penting dalam membentuk imej sesebuah destinasi. Persepsi yang negatif mungkin akan memusnahkan sesebuah destinasi pelancongan tersebut. Terdapat banyak kajian yang berkaitan dengan persepsi telah dijalankan di kawasan bandar, kawasan pelancongan seperti Taman Negara, pantai dan pulau, tetapi hanya sebilangan kecil sahaja yang dijalankan di kawasan memancing ikan di tengah laut iaitu kelong memancing ikan.

Kajian ini bertujuan untuk menilai persepsi pelancong terhadap keselamatan di dua buah kelong memancing di Selangor iaitu kelong milik kerajaan negeri; Kelong Paradise di Bagan Nakhoda Omar, Sabak Bernam dan kelong milik persendirian; Kelong Purple Inn, Telok Gong, Klang. Melalui laporan yang dihasilkan, pengkaji cuba menilai sejauh mana kelebihan atau kekurangan aspek keselamatan di atas dua kelong ini mempengaruhi persepsi keselamatan pemancing. Aspek keselamatan yang dikaji merangkumi tiga aktiviti utama iaitu persepsi ketika menggunakan kemudahan jeti, semasa menaiki bot untuk ke kelong dan ketika melakukan aktiviti memancing di atas kelong.

Persepsi keselamatan pemancing juga dikenalpasti sama ada ia mempunyai kaitan atau hubungan dengan faktor kelengkapan infrastruktur dan kemudahan asas. Penemuan kajian mendapati pemancing merasa tidak selamat untuk membawa keluarga mereka datang ke kelong jika terdapat kekurangan aspek keselamatan. Kajian juga mendapati pemancing merasa tidak selamat apabila kekurangan alat pemadam api dan juga ketiadaan rakit penyelamat dan ia berkait rapat dengan persepsi pemancing terhadap keselamatan mereka di kelong.

ABSTRACT

Perception of safety of anglers is an important aspect in shaping the image of a destination. The negative perception can destroy a tourist destination. There are many studies of the perception has been conducted in urban areas, tourist areas such as national parks, beaches and islands, but only a small number are carried out in the middle of the sea, like fishing kelong.

This study aimed to evaluate the safety of anglers perception of the two fishing kelong in Selangor. The first kelong is a state-owned kelong; Kelong Paradise in Bagan Nakhoda Omar, Sabak Bernam, while the second kelong is a privately owned kelong; Kelong Purple Inn, Telok Gong, Klang. Through the reports generated, the researcher tried to assess the extent of excess or lack of safety on two kelong affect security perceptions anglers. Safety aspects of the review covers three main activities; perception when using jetty facilities, the boat ride to the kelongs and when the fishing activities on the kelongs.

Perception of safety of anglers is also identified whether they are related or related to the factors of infrastructure and basic equipment. Findings showed that travelers not feel safe to bring their families to come to kelongs if there is a lack of safety. The study also found that travelers do not feel safe when the lack of fire extinguishers and the absence of a rescue raft and it is closely related to their perception of the safety of anglers in the kelong.

Thus, efforts to make kelong as tourism destination in Malaysia through the holidays while fishing in the kelong be given attention by the agencies involved directly and indirectly for the tourism potential of this new product to the national economy through eco-tourism activities these marine resources.